

27 JAN 1997

SYARIKAT TERSENARAI NAK ADAKAN TAKLIMAT PADA EKSPLO PERTUMBUHAN MODAL

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Syarikat-syarikat tersenarai yang menyertai "Ekspo Peluang Pertumbuhan Modal Malaysia Ketiga" tahun ini, dipelawa mengadakan taklimat mengenai syarikat masing-masing bagi membincangkan kegiatan dan perkembangan masa depan syarikat.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Ekspo itu dan Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohd Salleh Majid berkata taklimat ini akan disampaikan oleh pihak pengurusan kanan syarikat-syarikat berkenaan semasa program "Sesi Syarikat", yang merupakan acara istimewa tahun ini.

Mohd Salleh berkata pengurus-pengurus dana serta penganalisis tempatan dan luar negara digalakkan menghadiri sesi-sesi ini kerana ia akan memberi mereka peluang mengetahui lebih banyak syarikat.

Ekspo yang akan berlangsung dari 14 hingga 17 Ogos tahun ini di Pusat Dagangan Dunia Putra itu, akan dirasmikan pelancarannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebanyak 380 gerai akan disediakan di ekspo tersebut dan 76 syarikat telahpun mengesahkan penyertaan mereka, katanya pada satu persidangan berita mengenai ekspo tersebut, di sini hari ini.

Antara peserta-pesertanya ialah Lion Group, Berjaya Group, Antah Holdings, UMW Holdings, Renong, Sime Darby dan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

Menurut Mohd Salleh ekspo tersebut mendapat pujian meluas sebagai satu-satunya pameran yang dapat mengumpulkan semua komponen utama pasaran modal iaitu syarikat senarai awam, institusi kewangan dan perantaraan, badan-badan kawal selia dan pembekal maklumat, di bawah satu bumbung.

Mohd Salleh berkata forum East Asia Oceanic Stock Exchange Federation (EAOSEF) juga akan diadakan semasa ekspo tersebut.

EAOSEF mempunyai tiga belas anggota: Australia, Hong Kong, Tokyo, Jakarta, Korea, Osaka, Singapura, Thailand, New Zealand, Filipina, Surabaya, Taiwan dan BSKL.

Sementara itu, pengerusi eksekutif BSKL, Datuk Nik Mohamed Din Datuk Nik Yusoff berkata ekspo tahun ini merupakan satu peristiwa yang bersejarah bagi bursa itu kerana ia adalah sebahagian daripada perayaan yang diadakan bagi merasmikan bangunan baru BSKL. -- BERNAMA

DAB KY/sia